



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PERSEPSI PESERTA TERHADAP
KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN
KESEJAHTERAAN KELUARGA ANJURAN KEMAS DI
KAWASAN PARLIMEN MERBOK, KEDAH DARULAMAN

MAZNAH BT. SAIDIN

FPP 1999 25

**PERSEPSI PESERTA TERHADAP
KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN
KESEJAHTERAAN KELUARGA ANJURAN KEMAS DI
KAWASAN PARLIMEN MERBOK, KEDAH DARULAMAN**

MAZNAH BT. SAIDIN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
1999**



**PERSEPSI PESERTA TERHADAP
KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN
KESEJAHTERAAN KELUARGA ANJURAN KEMAS DI
KAWASAN PARLIMEN MERBOK, KEDAH DARULAMAN**

oleh

MAZNAH BT SAIDIN

**Kertas projek ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat bagi mendapatkan Ijazah Master
Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia**

November 1998



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur Alhamdulillah di atas kurnia dan petunjukNya yang dilimpahkan terhadap saya dalam usaha melaksanakan kertas projek ini.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Bahaman Bin Abu Samah yang telah tanpa jemu memberikan nasihat dan bimbingan kepada saya semasa menjalankan kajian ini. Budi dan jasa ini akan saya kenang sepanjang hayat.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Ishak Bin Saidin, penyelia kanan KEMAS kawasan Parlimen Merbok, Puan Rosni Darus, penyelia kawasan (PKK) DUN Tanjung Dawai, Puan Hasnah Abu Hassan, Puan Norizah Zakaria, Puan Naimah Baharudin, Puan Ros Hamidah Intan Md Nasir, Puan Hatun Hussien, Puan Azizah Abidin dan Puan Aryani Omar, pemaju masyarakat program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga, kawasan Parlimen Merbok yang sentiasa memberikan kerjasama kepada saya ketika menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Encik Osman dan Puan Aminah Hasan dari kawasan Parlimen Sungai Petani yang telah memberikan kerjasama mereka kepada saya semasa menjalankan kajian rintis.

Saya juga amat terhutang budi dan berterima kasih kepada para peserta program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga KEMAS di kawasan Parlimen Merbok, kerana kesudian mereka menjadi responden kajian. Tanpa kerjasama mereka, kajian ini sukar untuk dijayakan.

Terima kasih juga kepada Encik Nadaraja, Puan Norma Darus, Encik Naina Mohamad, Encik Themudu dan Encik Thangavelo, rakan pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim yang sentiasa sedia membantu dan menghulurkan nasihat apabila diperlukan. Begitu juga kepada Puan Rohani Bt Ahdirlin di pejabat Timbalan Dekan sebagai penyampai maklumat terkini mengenai kertas projek.

Penghargaan dan rasa kasih sayang yang tidak terbatas terhadap ibu bapa, suami dan anak-anak yang sentiasa memberikan dorongan, sokongan, dan kerjasama kepada saya dalam menjayakan kertas projek ini.

Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Haji Ibrahim Narik, Pengarah Bahagian Penyelidikan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia, di atas kerjasama dan kebenaran yang diberikan untuk menjalankan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan rasa syukur Alhamdulillah yang tidak terhingga kerana diberi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

DAFTAR KANDUNGAN

| | HALAMAN |
|--|----------------|
| PENGHARGAAN | ii |
| SENARAI JADUAL | vi |
| SENARAI RAJAH | viii |
| ABSTRAK | ix |
| ABSTRACT | xi |
| BAB | |
| | |
| I PENDAHULUAN | |
| Pengenalan | 1 |
| Pernyataan Masalah | 2 |
| Soalan Kajian | 5 |
| Objektif Kajian | 5 |
| Objektif Khusus | 6 |
| Kepentingan Kajian | 6 |
| Batasan Kajian | 7 |
| Definisi Operasional | 8 |
| | |
| II SOROTAN PENULISAN BERKAITAN | |
| Pengenalan | 12 |
| Pendidikan Kesejahteraan Keluarga | 12 |
| Konsep Persepsi | 15 |
| Kajian Mengenai Persepsi | 16 |
| Keberkesanan Program | 20 |
| Pelajar Dewasa | 25 |
| Pendidikan Dewasa | 26 |
| Pendidikan Non-Formal | 30 |
| Konsep Pelajar Dalam Pendidikan Vokasional | 31 |
| Tujuan Pendidikan Vokasional | 32 |
| Strategi Pengajaran dan Suasana Pembelajaran | |
| Pendidikan Dewasa | 33 |
| Peranan Pihak Perancang Program | 37 |
| Model Penilaian Program | 39 |
| Rumusan | 41 |
| | |
| III METODOLOGI KAJIAN | |
| Pengenalan | 43 |
| Rekabentuk Kajian | 43 |
| Instrumen Kajian | 46 |

| | | |
|-----------|---|-----|
| | Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen | 50 |
| | Populasi dan sampel | 51 |
| | Pengumpulan Data | 52 |
| | Pemerhatian dan Temubual | 53 |
| | Analisis Data | 53 |
| IV | DAPATAN KAJIAN | |
| | Pengenalan | 55 |
| | Latar Belakang Responden | 55 |
| | Persepsi peserta terhadap program PKK | 64 |
| | Persepsi peserta terhadap pemaju masyarakat | 66 |
| | Persepsi peserta terhadap keberkesanannya pada program PKK | 67 |
| | Perkaitan antara keberkesanannya dengan pemboleh ubah terpilih | 68 |
| | Perbezaan antara persepsi terhadap keberkesanannya dengan latar belakang responden | 69 |
| V | RINGKASAN, RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN | |
| | Pengenalan | 72 |
| | Ringkasan Kajian | 72 |
| | Rumusan | 75 |
| | Kesimpulan | 82 |
| | Cadangan | 83 |
| | RUJUKAN | 87 |
| | LAMPIRAN | |
| A | Soal Selidik Kajian | 92 |
| B | Senarai Populasi Peserta Yang Mengikuti Kelas Program PKK di Kawasan Parlimen Merbok, Kedah Darulaman | 100 |
| C | Kurikulum Program PKK | 102 |
| D | Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar | 104 |
| | BIODATA PENULIS | 105 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Halaman |
|---------------|---|----------------|
| 1 | Umur responden | 56 |
| 2 | Tahap pendidikan responden | 57 |
| 3 | Pekerjaan responden | 57 |
| 4 | Jumlah pendapatan bulanan keluarga responden | 58 |
| 5 | Jarak rumah responden ke kelas PKK KEMAS | 59 |
| 6 | Jangka masa responden menyertai kelas PKK KEMAS | 60 |
| 7 | Sebab utama responden menyertai kelas PKK KEMAS | 61 |
| 8 | Punca galakkan responden menyertai kelas PKK KEMAS | 62 |
| 9 | Hari yang sesuai responden menghadiri kelas PKK KEMAS | 62 |
| 10 | Waktu yang sesuai responden menghadiri kelas PKK KEMAS | 63 |
| 11 | Persepsi peserta terhadap kepentingan kurikulum PKK KEMAS | 64 |
| 12 | Persepsi peserta terhadap strategi pengajaran | 65 |
| 13 | Persepsi peserta terhadap suasana pembelajaran | 66 |
| 14 | Persepsi peserta terhadap pemaju masyarakat | 67 |
| 15 | Persepsi peserta program terhadap keberkesanannya program PKK KEMAS | 68 |

| | | |
|----|--|----|
| 16 | Perkaitan antara keberkesanan program dengan pemboleh ubah terpilih | 69 |
| 17 | Analsisis varians keberkesanan program PKK KEMAS dengan latar belakang responden | 70 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | | Halaman |
|--------------|----------------------------------|----------------|
| 1 | Model Kualiti Pengajaran | 23 |
| 2 | Model Kerangka Penilaian Program | 40 |
| 3 | Kerangka Konsep Kajian | 45 |

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains.

PERSEPSI PESERTA TERHADAP KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN KESEJAHTERAAN KELUARGA ANJURAN KEMAS DI KAWASAN PARLIMEN MERBOK, KEDAH DARULAMAN.

Oleh
MAZNAH BT SAIDIN

November 1998

Penyelia : Dr. Bahaman Bin Abu Samah
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau persepsi peserta terhadap pendidikan non-formal Pendidikan Kesejahteraan Keluarga (PKK) anjuran Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di kawasan Parlimen Merbok, Kedah Darulaman. Kajian ditumpukan kepada empat aspek program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga KEMAS, iaitu kepentingan kurikulum PKK KEMAS, strategi pengajaran, suasana pembelajaran dan persepsi terhadap pemaju masyarakat.

Satu set soal selidik digunakan untuk mengumpul data dari 16 buah kelas PKK KEMAS yang dipilih secara rawak untuk tujuan kajian ini. Borang soal selidik diedarkan kepada seramai 186 orang peserta wanita dan 100% telah dikembalikan.

Seramai 47.3% responden berpersepsi bahawa program PKK KEMAS berkesan ke atas diri mereka. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang sederhana di antara pemboleh ubah persepsi peserta terhadap pemaju masyarakat, strategi pengajaran, dan kurikulum dengan keberkesanan program PKK. Perbezaan dari segi tahap pendidikan, lama masa menyertai kelas PKK dan pendapatan bulanan keluarga dapat dilihat ke atas pernyataan keberkesanan program. Kajian juga menunjukkan bahawa KEMAS perlu mempertingkatkan lagi mutu program tersebut, dengan mengadakan aktiviti-aktiviti PKK yang baru, kemudahan yang lebih baik, pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan, serta pemaju masyarakat yang terlatih.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies,
University Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the
Degree of Master of Science.

**PERCEPTIONS OF THE PARTICIPANTS ON THE
EFFECTIVENESS TOWARDS THE PKK PROGRAMME
ORGANISED BY KEMAS IN THE PARLIAMENTARY AREA OF
MERBOK, KEDAH DARULAMAN.**

By
MAZNAH BT SAIDIN

November 1998

Supervisor: Dr. Bahaman Bin Abu Samah
Faculty : Educational Studies

The main purpose of this research is to survey the perception of the participants towards the PKK programme organise by KEMAS in the parliamentary area of Merbok, Kedah Darulaman. The study focused on four aspects of the programme, namely the importance of curriculum course, teaching strategies, learning enviroment, and perception towards the community development officers.

A set of questionnaire was used to collect the data from 16 PKK classes that were chosen at random for the research. The questionnaire was distributed to the 186 women participants with 100% return.

The research finding showed about 47.3% participants agree that the PKK programme is effective towards them. The research findings also showed that there is a moderate link between the effectiveness of the PKK programme and the variables regarding participants' perception towards community development officers, teaching strategies, and curriculum. The different response by the participants regarding the effectiveness of the PKK programme is due to the difference in their education level, the duration of time in attending the PKK classes and the monthly income of the family. The findings also showed that KEMAS needs to upgrade its programme by introducing new PKK activities, having better facilities, making teaching and learning more effective for adults and having better trained community development officers.

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Alang Perang Zainuddin (1986) mengatakan bahawa program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga merupakan program yang mengandungi aktiviti-aktiviti yang disusun rapi untuk meningkatkan kesejahteraan hidup anggota-anggota sistem pelanggannya. Pelanggan yang dimaksudkan di sini ialah kaum wanita di kawasan luar bandar yang menjadi sasaran kepada aktiviti program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga.

Dalam urusan rumah tangga wanita memainkan peranan yang penting. Mereka yang bertanggungjawab ke atas penyediaan makanan, mengasuh dan mendidik anak, kebersihan rumah dan lain-lain lagi. Sehubungan dengan ini Nik Safiah (1985) mengatakan wanita mempunyai peranan yang utama dalam penghasilan, penyediaan, pemprosesan dan pemasakan makanan. Mereka adalah juga bertanggungjawab ke atas kebersihan dan kesihatan keluarga. Rusni (1983) mendapati bahawa kesihatan selalu diabaikan di dalam sesebuah keluarga, sedangkan kesihatan merupakan perkara asas untuk mencapai kesejahteraan keluarga. Ibrahim, dan Saodah (1985) pula mendapati bahawa keperluan asas wanita luar

bandar di Malaysia adalah keperluan memperbaiki taraf kesihatan, pemakanan dan makanan seimbang, keperluan perkhidmatan, sokongan psikologi, emosi dan moral serta peluang bagi membuat keputusan. Sulaiman (1998) berpendapat kecemerlangan keluarga hanya boleh dibina melalui kekuatan ilmu kerana ilmu boleh membezakan baik, buruk, halal dan haram. Oleh itu untuk menjamin kebahagiaan keluarga ibu bapa perlu berilmu. Selain dari itu terdapat sesetengah suri rumah hari ini bukan sekadar berfungsi mengurus rumah tangga dan keluarganya sahaja, malah menambah fungsinya membantu menyumbang kepada pendapatan keluarga melalui usaha sendiri secara kecil-kecilan.

Daripada dapatan-dapatan kajian ini bolehlah dirumuskan bahawa wanita hari ini memainkan peranan terpenting dalam sesebuah keluarga. Mereka melakukan pelbagai kerja di rumah dan tanggungjawab mereka adalah begitu berat. Dengan itu jelaslah bahawa usaha-usaha perlu dibuat untuk menolong wanita luar bandar. Program pendidikan non-formal Pendidikan Kesejahteraan Keluarga anjuran KEMAS adalah sebagai satu langkah untuk memenuhi keperluan wanita luar bandar.

Pernyataan Masalah

Program-program pendidikan non-formal seperti yang dijalankan oleh KEMAS di kawasan parlimen Merbok, Kedah Darulaman sejak tahun

1961, merupakan salah satu usaha mulia kerajaan untuk memajukan masyarakat luar bandar, khususnya mereka yang miskin dan mundur yang memerlukan bantuan untuk mengatasi masalah sehari-hari seperti menjaga kebersihan dan kesihatan diri dan keluarga, menampung pendapatan dan sebagainya.

Program-program pendidikan non-formal ini dirancang di peringkat Bahagian KEMAS, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan dilaksanakan oleh pemaju masyarakat di kawasan-kawasan tertentu, iaitu selepas mengenalpasti keperluan dan kehendak masyarakat di situ.

Matlamat sesuatu program pendidikan non-formal adalah untuk membawa perubahan positif dalam masyarakat iaitu dengan memperbaiki kualiti hidup rakyat. Dalam hal ini kejayaan sesuatu program di sesuatu tempat bukan sahaja bergantung kepada pihak yang merancang dan melaksanakan program itu, tetapi juga kepada sokongan rakyat terhadap program tersebut. Segala rancangan dan persediaan terhadap sesuatu program tidak akan membawa sebarang makna jika tidak disokong oleh rakyat, khususnya peserta program itu sendiri. Mengikut Boyle (1981) penglibatan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti pendidikan lanjutan adalah penting untuk perancang memperolehi dan mengetahui tentang keperluan-keperluan ahli masyarakat. Knowles (1970) pula mengatakan salah satu faktor asas dalam andragogi ialah pembabitan peserta dalam perancangan

aktiviti atau program pendidikan itu. Oleh kerana penglibatan peserta adalah amat penting untuk menentukan kejayaan sesuatu program pendidikan dewasa, maka pandangan dan keperluan mereka haruslah juga diambilkira dalam perancangan.

Dari lawatan tinjauan ke beberapa buah kelas program PKK di Kawasan Parlimen Merbok, pemerhatian dan temubual yang dibuat dengan beberapa orang pemaju masyarakat dan penyelia kawasan, maklumat yang diterima menyatakan penyertaan peserta ke kelas-kelas PKK semakin berkurangan di tahun-tahun kebelakangan ini berbanding dengan tahun-tahun awal penubuhannya. Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Rekod Kedatangan Pelajar tahun 1998 untuk kelas PKK, purata kehadiran peserta di setiap kelas PKK ialah di antara 6 - 10 orang berbanding 15 orang sepatutnya. Oleh kerana penyertaan peserta amat penting bagi memastikan tujuan program PKK dapat dicapai maka masalah kehadiran peserta yang semakin merosot perlu diberi perhatian. Penyertaan peserta ke kelas berkait rapat dengan persepsi mereka terhadap keberkesanan sesebuah program. Keberkesanan sesebuah program pula ditentukan oleh keperluan dan kehendak peserta program.

Kajian ini akan meninjau persepsi peserta terhadap keberkesanan program pendidikan non-formal Pendidikan Kesejahteraan Keluarga anjuran KEMAS. Aspek program yang akan dikaji ialah kurikulum PKK KEMAS,

strategi pengajaran, suasana pembelajaran, dan persepsi terhadap pemaju masyarakat

Soalan Kajian

1. Apakah persepsi peserta terhadap aspek-aspek tertentu program PKK KEMAS.
2. Apakah persepsi peserta terhadap pemaju masyarakat program PKK KEMAS.
3. Apakah persepsi peserta program terhadap keberkesanan program PKK KEMAS.
4. Adakah terdapat perkaitan di antara persepsi keberkesanan program PKK KEMAS dengan faktor-faktor yang terpilih.
5. Adakah terdapat perbezaan antara keberkesanan program PKK KEMAS dengan latar belakang peserta program.

Objektif Kajian

Objektif am kajian ini ialah untuk meninjau persepsi peserta terhadap keberkesanan program pendidikan non-formal Pendidikan Kesejahteraan Keluarga.

Objektif khusus kajian ialah untuk:

1. Mengenal pasti latar belakang peserta program PKK KEMAS.
2. Mengenal pasti persepsi peserta terhadap aspek-aspek tertentu program PKK KEMAS.
3. Mengenal pasti persepsi peserta terhadap pemaju masyarakat program PKK KEMAS.
4. Mengenal pasti persepsi peserta program terhadap keberkesanan program PKK KEMAS.
5. Mengenal pasti persepsi peserta terhadap kepentingan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan program PKK KEMAS.

Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberi satu gambaran tentang persepsi peserta terhadap keberkesanan program pendidikan non-formal PKK yang dijalankan oleh KEMAS. Dengan itu adalah diharapkan bahawa kajian ini dapat memberi faedah seperti berikut:

1. Membantu Bahagian Kemajuan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar memahami tanggapan peserta terhadap keberkesanan program PKK. Adalah dipercayai bahawa

hasil kajian ini akan membolehkan pihak KEMAS, khususnya mereka yang merancang program PKK, memperbaiki program tersebut.

2. Membantu penyelia dan pemaju masyarakat KEMAS memahami dengan lebih terperinci tanggapan peserta terhadap program tersebut dan jika perlu mengkaji semula atau memperbaiki pendekatan mereka dalam mengendalikan program PKK itu.
3. Memberi maklumat baru kepada para pendidik, khususnya mereka yang berminat dalam program-program pendidikan non-formal seumpama ini, agensi-agensi kerajaan, badan-badan sukarela, kelab belia dan orang perseorangan yang menganjurkan program pendidikan non-formal.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan mengikut batasan-batasan tertentu seperti berikut:

1. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengumpulkan maklumat mengenai persepsi peserta terhadap keberkesanan program pendidikan non-formal PKK di Kawasan Parlimen Merbok, Kedah Darulaman. Segala keputusan, rumusan dan generalisasi hanyalah benar bagi peserta di kawasan ini sahaja.

2. Sampel kajian ini terdiri daripada peserta program PKK sahaja.
3. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soalselidik.

Walaupun segala maklumat yang diperolehi itu boleh dikatakan mencerminkan persepsi peserta terhadap keberkesan program pendidikan non-formal PKK itu, namun kelemahan-kelemahan yang tidak dapat dielakkan berkaitan dengan kaedah ini perlu juga diambil kira contohnya, mungkin ada di antara responden yang tidak memberi maklumat yang sebenarnya.

4. Dapatan kajian ini mencerminkan aktiviti Pendidikan Kesejahteraan Keluarga di tahun 1998/99 sahaja.

Definisi Operasional

Persepsi

Secara umumnya persepsi merupakan satu proses di mana manusia akan membentuk satu tanggapan terhadap orang lain atau sesuatu perkara dalam konteks sesuatu kebudayaan. Cassels dan Green (1991) menyatakan persepsi adalah satu proses aktif mengumpul maklumat melalui pancaindera dan kemudian memproses maklumat tersebut supaya ia membawa maksud yang munasabah. Persepsi merupakan hasil dari pemerhatian individu terhadap objek persekitaran yang tertentu. Hasil pemerhatian ini akan disimpan sebagai maklumat yang boleh menghasilkan satu penilaian. Dalam

konteks kajian ini, persepsi merupakan tanggapan peserta terhadap keberkesanannya program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga KEMAS.

Keberkesanannya Program

Menurut Drucker (1964), keberkesanannya program ialah apabila kurikulum mempunyai kaitan dengan kebolehan memilih objektif untuk dilaksanakan dan dengan daya usaha serta ikhtiar. Squires, Huitt dan Segars (1984), menyatakan pendidikan yang berkesan adalah gabungan peranan yang dimainkan oleh dua angkubah utama iaitu pertama pihak guru dan pelajar, kedua pihak pentadbir. Guru dapat menyokong penglibatan, penguasaan dan kejayaan pelajar melalui perancangan, pengajaran dan pengurusan yang berkesan. Penyeliaan pula dapat membantu dan menyokong guru meningkatkan kemahiran merancang, mengurus dan mengajar. Dalam kajian ini keberkesanannya program cuba dilihat berdasarkan persepsi peserta dari aspek kurikulum PKK KEMAS, strategi pengajaran, suasana pembelajaran, penilaian aktiviti PKK dan persepsi terhadap pemaju masyarakat.

Program Pendidikan Non-Formal

Program pendidikan non-formal bermaksud rancangan aktiviti pendidikan yang dijalankan di luar sistem pendidikan formal ataupun sistem

sekolah, yang bertujuan untuk memberi jenis-jenis pembelajaran kepada orang tertentu tanpa mengira umur atau pengalamannya. Program seumpama ini termasuk latihan pertanian dan penternakan untuk petani, latihan kemahiran untuk pekerja, pelajaran masakan dan jahitan untuk wanita dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, program pendidikan non-formal bermaksud aktiviti-aktiviti Pendidikan Kesejahteraan Keluarga untuk kaum wanita yang bertujuan memperbaiki kualiti hidup.

Pendidikan Kesejahteraan Keluarga

Pendidikan Kesejahteraan Keluarga (PKK) adalah satu bidang pengetahuan yang berhubung kait dengan alam rumah tangga dan kehidupan berkeluarga. Kurikulum PKK KEMAS meliputi bidang dan aktiviti kekeluargaan, kesihatan, pengurusan sumber keluarga dan kesedaran sivik. Pendidikan Kesejahteraan Keluarga KEMAS dilaksanakan secara bimbingan melalui penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran asas untuk keperluan diri sendiri, keluarga dan masyarakat dan projek penambahan pendapatan (secara tetap dan komersil).

Peserta Dewasa

Peserta dewasa bermaksud mereka yang sudahpun dewasa, yang ingin mempelajari dan menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang-

bidang tertentu seperti sesuatu latihan atau kemahiran dengan tujuan mempertingkatkan pengetahuan mereka atau menggunakan ilmu itu untuk menampung pendapatan mereka. Peserta dewasa termasuk mereka yang tidak berpeluang bersekolah, pelajar sekolah yang tercicir, yang menganggur dan mereka yang bekerja tetapi berminat mempelajari sesuatu.

Dalam konteks kajian ini peserta dewasa bermaksud kaum wanita yang usianya 16 tahun ke atas seperti suri rumah tangga, pelajar sekolah yang tercicir atau lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang menganggur, kaki tangan sektor awam atau swasta, pekerja ladang, sawah dan kilang yang menyertai program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga.